

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : **25.05.2015 (SELASA)**

NO. SOALAN : **125**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan lelaki dan wanita Orang Asli dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang memiliki tanah di bawah skim penempatan semula atau skim pampasan mengikut pecahan saiz tanah, umur, tahap buta huruf dan pekerjaan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua, menurut rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sehingga kini terdapat 2 (dua) penempatan semula masyarakat Orang Asli yang berstatus hak milik individu di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Masyarakat Orang Asli yang terlibat turut menerima pampasan. Dua penempatan semula tersebut adalah:

a) Penempatan asal : Kampung Bukit Lanjan, Damansara, Selangor

Penempatan semula ini telah didaftarkan sebagai Desa Temuan, Damansara Perdana ini kerana penempatan lama iaitu Kampung Orang Asli Bukit Lanjan telah dibangunkan untuk projek bandar baharu, Mutiara Perdana.

Penempatan semula ini melibatkan seramai 71 ketua isi rumah lelaki dan 76 ketua isi rumah perempuan yang berjumlah 147 ketua isi rumah. Setiap ketua isi rumah telah menerima sebuah rumah banglo dengan keluasan tanahnya 0.5 ekar dan se unit rumah teres dengan keluasan tanahnya 0.15 ekar. Manakala, sejumlah 130 ahli isi rumah yang berumur 15 tahun ke atas mendapat se unit rumah pangsapuri.

Ketua isi rumah yang menerima pampasan ini berada dalam julat umur 21 hingga 70 tahun. Seramai 70 daripada 147 ketua isi rumah adalah buta huruf. Manakala selebihnya mempunyai pendidikan di tahap sekolah rendah dan menengah. Manakala, pekerjaan mereka pula terdiri daripada buruh kasar, pengawal keselamatan, tukang kebun, jurujual di pasaraya dan pentadbir di sektor awam serta swasta.

b) Penempatan asal : Kampung Temir, Raub, Pahang

Penempatan semula ini telah dinamakan sebagai Rancangan Penempatan Orang Asli Sungai Bilut (RPOA) di dalam daerah yang sama iaitu daerah Raub, Pahang. Penduduk Orang Asli di Kampung Temir telah dipindahkan ke penempatan baru ini bagi memberi laluan kepada projek pembangunan Empangan Klau.

Penempatan semula ini melibatkan seramai 58 ketua isi rumah lelaki dan 52 ketua isi rumah perempuan yang berjumlah 110 ketua isi rumah.

Ketua isi rumah yang menerima pampasan ini berada dalam julat umur 21 hingga 77 tahun. Manakala seramai 30% telah dikenalpasti sebagai buta huruf dan selebihnya 60.7% telah menerima pendidikan sehingga sekolah rendah dan 16.3% sehingga sekolah menengah. Bagi jenis pekerjaan pula, penduduk masyarakat Orang Asli di Rancangan Penempatan Orang Asli Sungai Bilut bekerja sendiri, usahawan serta bekerja dalam sektor awam dan swasta.

Meskipun masyarakat Orang Asli ini telah dipindahkan dari penempatan asal ke penempatan baru, pihak Kerajaan melalui JAKOA sentiasa memastikan keselamatan dan kebajikan masyarakat Orang Asli terus terpelihara melalui program-program pembangunan sosio ekonomi dan peningkatan kualiti hidup. Antara yang menjadi agenda utama kerajaan adalah untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi dan mengekalkan kebudayaan dan warisan masyarakat Orang Asli.